



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

KERATAN AKHBAR 13 OGOS 2020 (KHAMIS)



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Tindakan 'pilih bulu' tindas peniaga tepi jalan
MUKA SURAT	5

Tindakan 'pilih bulu' tindas peniaga tepi jalan m/s-5

SHAH ALAM - Pengasas Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid mendedahkan pihak penguat kuasa tidak pernah meminta suapan daripadanya selama 20 tahun berniaga.

Bagaimanapun, tindakan pilih bulu sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan beliau sebagai peniaga burger di tepi jalan tidak dilayan seadilnya.

"Ketika PKP ramai orang yang berdepan dengan kesukaran terutama bagi peniaga kecil seperti saya. Waktu perniagaan kami dihadkan setakat jam 10 malam tetapi mereka (kedai mesin judi) boleh beroperasi (selepas 10 malam).

"Saya tahu tentang ini sebab mereka yang pergi main mesin judi beli burger dengan saya. Pengusaha kedai judi haram ini juga beli burger dan belanja pelanggan mereka," katanya.

Beliau yang mempunyai lebih 100 cawangan gerai burger menyatakan pihak berkuasa juga tidak pernah memeras ugut beliau kerana kesalahan menjaja.

"Pihak penguat kuasa tidak ganggu perniagaan gerai burger saya melainkan mereka menerima rungutan.

"Soal rampas dan sita gerai itu perkara biasa dalam perniagaan seperti ini. Saya ada tapak di Kuala Lumpur dan Gombak, Selangor tetapi tidak diusik. Ada juga yang baru berniaga dua

minggu atau dua bulan sudah diganggu," katanya.

Ditanya mengapakah beliau tidak permohonan lesen perniagaan daripada pihak berkuasa tempatan, Mohd Asri berkata, soal permohonan lesen daripada PBT untuk menjaja bukan sesuatu yang mudah.

"Sebab itu bila Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa dilantik, beliau telah meminta supaya PBT memudahkan urusan memberikan lesen," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai kegiatan judi, Mohd Asri berkata, sudah sekian lama isu judi haram berlaku tetapi tidak ada satu formula bagi memastikan aktiviti tersebut hilang di negara ini.

"Berapa banyak wacana tentang perkara ini dibuat tetapi ia tidak selesai juga. Sebenarnya ia memerlukan formula yang memastikan ia tidak boleh bertapak di Malaysia.

"Bagi tauke mesin judi ini, dia memikirkan soal perniagaan dan untung. Mereka tidak kira soal halal dan haram tetapi kita orang Islam ini ada batasnya, ada perkara halal dan haram," katanya.

Jelasnya, anggota dan pegawai penguat kuasa perlu memahami agama dan itu merupakan formula bagi menyelesaikan masalah yang timbul.

"Satu perkara yang saya ingin tekankan ialah PBT bila jumpa dengan peniaga, jangan berlagak samseng. Siapa lagi kita mahu bercerita masalah kalau bukan penguat kuasa," katanya.



MOHD ASRI

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	MBSA gempur Sungai Buloh
MUKA SURAT	2,3

MBSA gempur Sungai Buloh

M/S-2

Premis pusat judi diserbu penguat kuasa dalam operasi bersepadu

Oleh KHAIRIL ANWAR
MOHD AMIN

SHAH ALAM



MOHD RASHIDI

Bandar Baru Sungai Buloh di sini sekali lagi digempur dengan serbuan bertenusan pelbagai agensi penguatkuasaan undang-undang termasuk Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dengan sejumlah 19 premis disita dalam satu operasi bersepadu semalam.

Serbuan pelbagai agensi penguat kuasa undang-undang itu adalah susulan video tular pendedahan kegiatan kedai judi haram dan penjualan rokok seludup yang didakwa beroperasi di sekitar kawasan itu oleh seorang peniaga burger yang dikenali sebagai Asri Janggut.

Lebih mengejutkan, sebuah premis yang dipercayai dijadikan pusat judi dalam talian yang berselindung di sebalik

premis pusat snuker adalah antara premis yang diambil tindakan, sekali gus membuktikan aktiviti kedai judi haram sebagaimana didedahkan seorang peniaga burger sebelum ini ada kebenarannya.

Sepanjang operasi bermula jam 10 pagi itu, petugas MBSA turut merampas semua perabot dan memotong bekalan elektrik serta air dengan bantuan petugas Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor.

Bagaimanapun, peralatan penting untuk kegiatan judi termasuk komputer tidak ditemui, dengan hanya kerusi dan meja ditinggalkan.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Roslan berkata, tindakan sita terhadap premis berkenaan dibuat selepas ia didapati menjalankan perniagaan tanpa kebenaran.

“Sebanyak 25 premis perniagaan tanpa lesen yang diusahakan oleh warga tempatan telah diambil tindakan sejak awal tahun ini.

“Dalam tempoh sama, sebanyak 19 premis perniagaan tanpa lesen yang dikendalikan oleh warga asing di kawasan Bandar Baru Sungai Buloh telah disita.

“Operasi pada hari ini (semalam) juga dijalankan terhadap premis perniagaan serta gerai-gerai atas kesalahan sama termasuk gerai tanpa lesen yang beroperasi di bahu jalan sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas,” katanya pada sidang akhbar selepas satu operasi ber-



MBSA menyita peralatan di premis judi pada operasi bersepadu untuk membanteras penaja dan peniaga tanpa kebenaran berikutan tular isu judi haram di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh semalam.

sepadu bersama agensi penguat kuasa kerajaan di sini semalam.

Seramai 230 petugas MBSA, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), TNB dan Air Selangor terlibat dalam operasi bersepadu itu.

Mohd Rashidi berkata, MBSA telah mengeluarkan 101 notis ke atas premis di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh yang membina struktur tambahan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan.

Menurutnya, notis itu dikeluarkan kelmarin mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

“Kita mendapati premis se-

perti kilang, restoran serta rumah kedai yang telah membina pelindung matahari, dinding, binaan lantai dan struktur tambahan lain tanpa kebenaran MBSA,” katanya.

Dalam perkembangan berasingan, MBSA pernah menawarkan tapak penaja sementara di Jalan 1A/3 di sini kepada individu yang menularkan video berkaitan isu di Sungai Buloh.

“Namun beliau telah menolak pelawaan yang diberikan oleh pihak MBSA dan meneruskan perniagaan di bahu jalan yang telah menimbulkan isu keselamatan dan lalu lintas sehingga tindakan diambil ke atas gerai itu,” katanya.



Penguat kuasa MBSA memecahkan premis yang dijadikan kedai judi haram semalam.

KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)

m/s-3



Penguat kuasa MBSA meruntuhkan struktur binaan tambahan di premis judi yang diserbu di Bandar Baru Sungai Buloh semalam.



Anggota penguat kuasa MBSA mengempur premis judi yang berselindung di sebalik kedai pusat sukan.



Semua peralatan dibawa menaiki lori MBSA selepas tindakan sitaan dilakukan semalam.



Penguat kuasa MBSA memotong kunci pintu premis judi pada operasi bersepadu untuk membanteras penaja dan peniaga tanpa kebenaran berikutan isu tular di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh semalam.



Jengkaut turut digunakan dalam operasi membanteras premis judi di Bandar Baru Sungai Buloh.



Barangan seperti kerusi dan meja dibawa keluar dari premis judi yang digempur untuk tindakan sitaan.

Seramai 230 petugas MBSA, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), TNB dan Air Selangor turut serta dalam operasi bersepadu itu.





KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Empat penguat kuasa MBSA direman
MUKA SURAT	2

Empat penguat kuasa MBSA direman *m/s-2*

PUTRAJAYA - Empat penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan penjual rokok seludup warga Indonesia direman tujuh hari selepas dipercayai mengutip dan menerima rasuah secara bulanan bagi melindungi premis perniagaan tanpa lesen di sekitar kawasan tersebut.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Shah Wira Abdul Halim selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Siasatan dilakukan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009 atas dakwaan rasuah.

Pegawai penguat kuasa MBSA yang berusia dalam lingkungan 41 hingga 45 tahun itu dan peniaga Aceh berusia 44 tahun diberkas SPRM dalam operasi di sekitar Sungai Buloh kelmarin.

Menurut sumber, peniaga Aceh itu tidak mempunyai sebarang dokumen yang sah dipercayai telah berniaga sejak tahun 2019 dan dikatakan telah membayar wang rasuah sebanyak RM300 sebulan kepada penguat kuasa bagi mengelakkan sebarang tindakan.

“Penguat kuasa yang ditahan dipercayai menerima rasuah antara RM300 hingga RM3,500 sebulan bagi sebuah premis perniagaan,” katanya.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Penguat kuasa gempur Sungai Buloh besar-besaran
MUKA SURAT	2

PENGUAT KUASA GEMPUR SUNGAI BULOH BESAR-BESARAN *m/s-1*

“ Kita mendapati ada premis seperti kilang, restoran serta rumah kedai yang telah membina pelindung matahari, dinding, binaan lantai dan struktur tambahan lain tanpa kebenaran MBSA.”

- Kata Timbalan Datuk Bandar MBSA, Mohd Rashidi Ruslan pada sidang akhbar selepas operasi bersepadu di Bandar Baru Sungai Buloh semalam



MAJLIS Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjalankan operasi bersepadu secara besar-besaran semalam untuk membanteras penjaja dan peniaga tanpa kebenaran berikutan isu pusat judi yang tular di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh.

Operasi yang bermula 10 pagi itu disertai seramai 230 penguat kuasa MBSA, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor.

Antara premis yang telah disita ialah pusat judi dalam talian yang berselindung di sebalik perniagaan pusat

snuker dan beberapa premis perniagaan lain

MBSA turut mengeluarkan 101 notis ke atas premis di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh yang membina struktur tambahan tanpa kebenaran pihak berkuasa tempatan mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Operasi itu diadakan susulan penularan satu rakaman video oleh pengusaha gerai burger, Mohd Asri Hamid yang mendakwa pihak berkuasa pilih kasih ketika mengambil tindakan terhadap peniaga gerai di Bandar Baru Sungai Buloh yang melakukan kesalahan.

Penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyita barangan ketika menjalankan operasi bersepadu untuk membanteras penjaja dan peniaga tanpa kebenaran di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh semalam.

MUKA 2, 3 & 4





KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Depan snuker belakang judi
MUKA SURAT	3

Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@hmetro.com.my

Sungai Buloh

Sebuah premis perjudian dalam talian yang dipercayai berselindung di sebalik pusat snuker di Bandar Baru Sungai Buloh di sini, antara yang disita dalam operasi bersepadu semalam.

Operasi bermula jam 10 pagi itu disertai 230 anggota penguat kuasa pelbagai agensi diketuai Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi membanteras penaja dan gerai tanpa kebenaran yang beroperasi di bahu jalan tanpa kebenaran.

Media yang turut dibawa menyertai operasi itu bagaimanapun mendapati premis itu tidak beroperasi namun meja snuker, kerusi masih ada dan satu bilik tersorok di belakang kaunter dipercayai dijadikan premis perjudian dalam talian.

Turut kelihatan meja dan sofa yang tersorok di dalam pusat snuker itu menyebabkan MBSA mengambil tindakan menyita peralatan itu.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan berkata, operasi bersepadu itu diadakan bagi membanteras penaja tanpa kebenaran.

Menurutnya, untuk maklumat dari awal 2020 hingga Julai ini sebanyak 25 premis perniagaan tanpa lesen diusahakan warga tempatan diambil tindakan.

“Dalam tempoh sama, 19 premis perniagaan tanpa

DEPAN SNUKER BELAKANG JUDI

Premis perjudian dalam talian berselindung di sebalik pusat snuker diserbu pihak berkuasa

m/s-3



Dalam tempoh sama, 19 premis perniagaan tanpa lesen dikendalikan warga asing disita”

Mohd Rashidi

lesen dikendalikan warga asing disita di sekitar kawasan Bandar Baru Sungai Buloh.

“Tindakan sitaan diambil mengikut undang-undang Kecil Penaja MBSA 2007 Peruntukan 19 (meninggalkan barangan perniagaan di tempat awam) dan peruntukan 3 (menaja tanpa lesen) serta Peruntukan 42 (kuasa sitaan),” katanya.

Mohd Rashidi berkata, operasi turut membabitkan perobohan ke atas premis yang membuat penambahan pada binaan bangunan tanpa

kelulusan MBSA. Tindakan diambil mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133).

“MBSA mengalu-alukan kerjasama dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan memberi komitmen agar siasatan segera dilakukan sekiranya ada dalam kalangan pegawai MBSA melakukan salah guna kuasa ketika menjalankan tugas di Sungai Buloh,” katanya.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Pernah tawar tapak gerai sementara
MUKA SURAT	3

Pernah tawar tapak gerai sementara *m/s-3*

Sungai Buloh: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) pernah menawarkan tapak gerai sementara kepada pengasas Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid, 42, atau Asri Janggut namun ditolakinya.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Ruslan berkata, MBSA sebelum ini pernah menawarkan tapak gerai di Jalan 1A/3 di Bandar Baru Sungai Buloh kepada lelaki itu.

Bagaimanapun, dia menolak tawaran MBSA dan tetap meneruskan perniagaan di bahu jalan yang menimbulkan isu keselamatan sehingga tindakan sita diambil.

Katanya, MBSA sudah dua kali melakukan tindakan sitaan terhadap peniaga sama dalam tempoh dua bulan selepas teguran

dan nasihat tidak diambil peduli.

“Untuk makluman, tindakan penyitaan itu diambil berikutan peniaga berkenaan meninggalkan peralatan perniagaan selepas selesai melakukan aktiviti perniagaan sehingga menyebabkan masalah lalu lintas dan juga keselamatan pengguna jalan raya.

“Sebelum ini, pihak MBSA sudah memberikan teguran dan nasihat kepada peniaga itu agar tidak meninggalkan peralatan selepas selesai berniaga,” katanya.

Harian Metro sebelum ini melaporkan MBSA menjelaskan tindakan menyita barangan perniagaan peniaga burger di Sungai Buloh dilakukan selepas teguran dan nasihat tidak diendahkan.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Sogokan ikut saiz premis
MUKA SURAT	4

*Lima direman
tujuh hari
bantu siasatan
lindungi
bisnes haram*

Sogokan ikut saiz premis m/s-4

Oleh Rafidah Mat Ruzki
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Empat penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan seorang individu dipercayai penjual rokok seludup direman tujuh hari sehingga 18 Ogos.

Majistret Shah Wira Abdul Halim membenarkan perintah reman itu yang dipohon Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya jam 9.20 pagi semalam.

Mereka yang ditahan reman bermula semalam diasiat mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Mereka berusia 41 hingga 45 sebelum itu dilihat tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya jam 8.40 pagi dengan memakai baju lokap SPRM dan bergari.

Harian Metro kelmarin melaporkan perniagaan haram dan tanpa lesen berluasa di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh dikatakan berpunca daripada pembayaran wang sogokan bulanan di antara RM300 hingga RM3,500 bagi setiap premis kepada anggota penguat kuasa yang mengawasi kawasan itu.

Pembayaran itu dipercayai bergantung kepada saiz premis dan jenis perniagaan dijalankan.

Antara premis yang membayar sogokan itu termasuk kedai makan tanpa lesen, penjual rokok, gerai yang menjalankan perniagaan di tempat tidak dibenarkan dan premis perjudian.

Sumber berkata, maklumat sogokan itu kesanan penyiasat SPRM selepas penahanan pegawai penguat kuasa MBSA berusia 41 hingga 45 tahun.

Tiga daripada penguat



LIMA suspek lelaki diiringi pegawai SPRM tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya untuk permohonan reman, semalam.

Seorang lagi dari MBSA Shah Alam. Seorang peniaga rokok seludup keturunan Aceh yang tidak mempunyai sebarang dokumen turut ditahan.

AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	'Lubuk' kripto curi karan
MUKA SURAT	5

Oleh Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Sepang

Untung jutaan ringgit namun semuanya diperoleh hasil kegiatan 'mencuri' bekalan elektrik bagi perlombongan mata wang digital atau bitcoin.

Itu antara aktiviti perlombongan bitcoin yang berjaya dibongkar susulan operasi di pusat perniagaan San Suria City, Kota Warisan di sini, semalam.

Operasi mengekang penggunaan elektrik secara curang itu bermula jam 8 pagi membabitkan pihak Majlis Perbandaran Sepang (MP Sepang) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Operasi bersepadu itu turut disertai anggota polis, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Suruhanjaya Tenaga Malaysia.


Ketua Pegawai Operasi Suruhanjaya Tenaga, Ir Abdul Rahim Ibrahim berkata, operasi bersepadu itu diadakan terhadap premis itu hasil risikan pihaknya dengan kerjasama MP Sepang.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati premis itu melakukan kegiatan itu dengan menggunakan bekalan elektrik secara salah.

"Premis itu didapati melakukan usikan pada meter dan melakukan sambungan secara haram sehingga menyebabkan ia gagal merekod bacaan dengan sempurna.

"Dalam operasi itu, penguatkuasa MP Sepang bertindak menyita sejumlah pelayan komputer di premis tersebut. Malah bekalan elektrik dan air ke premis itu turut dipotong," katanya.

Beliau berkata, ada 11 premis haram melombong bitcoin di kawasan itu selain beberapa lokasi di Kota Warisan, Taman Saujana dan Pusat Perniagaan Gemilang,



PREMIS melombong bitcoin diserbu pihak berkuasa di pusat perniagaan San Suria City, Kota Warisan, semalam.

'Lubuk' kripto curi karan m/s-5

Premis lombong bitcoin usik meter, buat sambungan secara haram kena serbu



ANTARA peralatan melombong bitcoin yang dirampas.



KAKITANGAN TNB melakukan pemotongan bekalan elektrik.

Dengkil di sini.

Menurutnya, siasatan lanjut akan dilakukan mengikut Seksyen 37 (1), Seksyen 37 (3) dan Seksyen 37 (14), Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447).

"Sekiranya sabit kesalahan, individu yang melakukannya boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM5 juta atau penjara sehingga 10 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan kedua," katanya.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	THE STAR – starmetro
TAJUK BERITA	Slope remedial works in Bukit Antarabangsa to be ready by December
MUKA SURAT	3 – starmetro

By SHALINI RAVINDRAN
shaliniravindran@thestar.com.my

IT WILL take several more months before seven families affected by the landslide at Jalan Kelab Ukay 4 in Bukit Antarabangsa, Ampang, can move back into their homes.

The residents have not been able to return as the area had been declared unsafe.

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) press relations officer Norhayati Ahmad said slope remedial and mitigation works were ongoing.

“Works are currently 35% complete and we are targeting for it to be done by December.

“Drainage works also have to be carried out as the drains were damaged by the erosion,” she said, adding that RM2mil was allocated for mitigation works.

“Half of the funds will be paid by the Urban Wellbeing, Housing and Local Government Ministry, and the other half by MPAJ,” Norhayati said.

On May 30, soil erosion at the bottom of a slope caused a retaining wall behind the houses to collapse.

Cracks formed in the houses and residents had to be evacuated.

A stream, Sungai Sering, is located at the bottom of the slope behind the housing area.

The state government had allocated an additional RM433,800 for the Selangor Drainage and

Slope remedial works in Bukit Antarabangsa to be ready by December

M/S-3



The retaining wall behind the seven double-storey houses at Jalan Kelab Ukay 4 collapsed and residents had to be evacuated in the May 30 incident. — Filepic

Irrigation Department (DID) to carry out emergency works to repair and strengthen the collapsed slope.

An affected resident, Hamid Sirim, 67, said he and his family were currently renting another property in Bukit Antarabangsa.

“We will have to see what

repairs are needed in our house once we are allowed back. We will discuss with the authorities when the time comes,” Hamid added.

The state had also pledged RM1,000 per month for each family under a home rental assistance programme.

Meanwhile, Taman Bukit Mulia

Residents Association chairman Amin Osman said residents along Jalan Mulia 1/1 were worried about their safety as they were living at the bottom of the affected slope.

“During the landslide incident, trees on a slope facing their homes were uprooted resulting in damage to several cars,” he said.

AKHBAR	THE STAR – starmetro
TAJUK BERITA	Five in alleged protection racket remanded
MUKA SURAT	4 - starmetro

Five in alleged protection racket remanded

m/s-4

By MAZWIN NIK ANIS
and GRACE CHEN
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Five individuals, including four enforcement officers from the Shah Alam City Council (MBSA), have been remanded for a week as graft busters look into allegations that certain enforcement authorities could be on the take from illegal businesses in Sungai Buloh.

The suspects, arrested in a special operation yesterday, were brought before Magistrate Shah Wira Abdul Halim, who allowed an application by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) to remand the officers, aged between 41 and 45, until Aug 18.

Also remanded was a 44-year-old trader, a foreigner.

According to sources, the suspect is a cigarette smuggler who is here without a valid document.

It is learnt that the man, who has been operating since 2019, is believed to have been paying certain officials around RM300 a month to avoid action.

The remand of the five may just be the beginning as the MACC has not ruled out more arrests.

Home Minister Datuk Seri Hamzah Zainuddin also assured that action would be taken against those involved in protecting illegal businesses.

Meanwhile, Shah Alam Deputy Mayor Mohd Rashidi Ruslan declined to field questions on why the council had failed to nip the problem in the bud in regards to illegal stalls and gambling dens in the commercial area of Bandar Baru Sungai Buloh.

"We will leave it to MACC to decide what to do with them," said Mohd Rashidi.

Reading from a prepared state-



Close shop: Shah Alam City Council enforcement officers confiscating furniture from premises believed to be an illegal gambling den in Bandar Baru Sungai Buloh.

ment, he said that MBSA was willing to commit and work with MACC to ensure the council's integrity was not compromised.

"We will ensure that MACC can carry out immediate investigations on abuse of power by council officers in regards to enforcement in the Sungai Buloh area," he said.

He also refused to comment further about the alleged inefficiencies highlighted in the social media post by Mohd Asri Hamid, 42, or "Asri Janggut", on Facebook, whose burger stalls were confiscated by MBSA after he ignored repeated warnings to move.

Dissatisfied with the council's action, Mohd Asri, who was operating illegally opposite a coffee shop in Jalan Perusahaan 2 in Bandar Baru Sungai Buloh, posted videos of other stalls, including a gambling den in the vicinity, claiming that no action were taken against them.

Following strong public criticism

arising from the post, MBSA launched a joint raid with the police, Customs, Immigration, Air Selangor, Tenaga Nasional Bhd and the council's Health, Building and Enforcement departments in the Bandar Baru Sungai Buloh commercial area to demolish illegal structures and weed out foreign workers and hawkers operating without a licence in the area yesterday.

During the raid, it was found that the stalls mentioned by Mohd Asri and others operating illegally in the back lanes were already demolished.

"Only eight stalls are now left. They are operating along Jalan 1A/3 which is a temporary hawker site designated by MBSA. In fact, the council has offered Asri a spot at the site before this but he rejected the offer," said Mohd Rashidi.

Police also discovered an upstairs room which was barred by a locked

door. Upon breaking it down, it was deduced that this was another illegal gambling area but reserved for high rollers.

In his statement, Mohd Rashidi pointed out that from January this year, the council had taken action against 25 stalls run by foreigners who were operating without a business licence.

Of these, 19 which were located in Bandar Baru Sungai Buloh were confiscated.

The joint operation also involved the demolition of illegal renovations such as ramps, partition walls, floor extensions and awnings in factories and shoplots that were built without approval from the council.

Watch the video
thestartv.com



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	MBSA 'bersihkan' Sungai Buloh
MUKA SURAT	6,7

MBSA 'bersihkan' Sungai Buloh m/s-6

Operasi bersepadu dilaksana banteras perniagaan haram, tanpa lesen

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dalam tempoh 24 jam selepas mengeluarkan notis kelmarin, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melancarkan operasi bersepadu membersihkan pelbagai elemen perniagaan haram dan tanpa lesen serta kelulusan sekitar Bandar Baru Sungai Buloh di sini.

Selain menyita perniagaan tidak berlesen dan premis disyaki terabit aktiviti haram seperti perjudian, sepanjang operasi itu semalam, MBSA turut memusnahkan binaan tambahan dan struktur kekal yang gagal dialihkan peniaga selepas diberikan notis.

Namun, ketegasan petugas MBSA diketuai Timbalan Datuk Bandar Shah Alam, Mohd Rashidi Roslan, ketika operasi itu kurang disenangi peniaga dan penaja yang terjejas akibat tindakan terbabit.

Mereka mendakwa, tidak diberi tempoh mencukupi bagi mengalihkan barangan dan kelengkapan masing-masing, walaupun hakikatnya semua sudah lama berniaga di situ tanpa lesen dan melakukan pelbagai ubah suai tanpa kebenaran.

Justeru, peniaga dan penaja mendakwa tindakan drastik MBSA itu, bermotifkan 'balas dendam' sullivan pendedahan aktiviti haram termasuk perjudian dan mesin kuda, yang didakwa berleluasa sekitar bandar berkenaan.

Pendedahan aktiviti haram kedai mesin kuda dan gerai rokok seludup di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh itu, yang dibuat pengasas Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid atau Asri Jangcut, selepas gerai miliknya disita MBSA.

Berang tindakan sita itu, Asri bertindak merakam dan berkongsi video mengenai operasi premis perjudian haram dan gerai menjual rokok seludup oleh warga asing sekitar kawasan berkenaan yang didakwa gagal diambil tindakan oleh MBSA.

Dalam videonya, Asri mendakwa pihak berkuasa bersikap pilih kasih dalam mengambil tindakan terhadap peniaga tanpa lesen sekitar Bandar Baru Sungai Buloh yang melakukan kesalahan.

Beliau turut mempersoalkan tindakan pihak berkuasa mengenai kompaun terhadap perniagaan gerai bujurnya, tetapi tidak kepada peniaga lain di kawasan itu.



Anggota penguat kuasa MBSA merampas peralatan di sebuah premis dipercayai kedai judi di Sungai Buloh. (Foto Eizairi Shamsudin/BH)

Pendedahan Asri menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan kepimpinan Polis Diraja Malaysia serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Siasatan pantas SPRM membawa kepada penahanan empat pegawai penguat kuasa MBSA yang disyaki mengutip sogokan di antara RM300 hingga RM3,500 sebulan daripada peniaga haram sekitar kawasan Sungai Buloh.

Dakwaan tiada tindakan terhadap aktiviti haram dan tanpa lesen di Sungai Buloh itu dinafikan MBSA, yang kini menyerahkan kepada SPRM menyiasat kegagalan operasi mereka sebenarnya berpunca penguat kuasa yang korup.

Berkongsi kekecewaannya, peniaga peretakan, Zaidi Abdul Jalil, 56, kesal kerana MBSA tidak memberikan notis secukupnya sebelum menjalankan operasi meroboh dan memusnahkan struktur semalam.

"Sejak dua tiga hari ini, operasi MBSA terlalu drastik. Cara mereka bertindak seperti mahu membalas dendam. Bila ada orang mengadu, dia (MBSA) bertindak balas.

"Salah sikit pun nak saman, pasang awning (sengkuap) untuk tahan air hujan pun kena saman, tangga untuk naik turun pun kena saman. Ada kedai yang sudah berpuluh tahun buat tambahan, diarahkan ubah dalam tempoh 24 jam," keluhnya yang berniaga di



Struktur premis dirobohkan kerana tidak mendapat kebenaran daripada MBSA di Sungai Buloh, semalam.

situ sejak 35 tahun lalu.

Zaidi mendakwa, lebih 90 peratus peniaga sekitar kawasan itu dikenakan saman oleh MBSA atas pelbagai kesalahan, kelmarin.

Peniaga nasi lemak, Ramlah Yakub, 55, mendakwa tindakan MBSA merobohkan gerainya, malam kelmarin menyebabkan mata pencahariannya terputus kerana baru sebulan kembali berniaga selepas menutup gerai akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Dulu tidak dapat berniaga selama tiga bulan disebabkan COVID-19 dan sekarang baru dapat sebulan berniaga, tiba-tiba jadi macam ni.

"Kami berniaga pun terpaksa meminjam modal dengan Hijrah (Yayasan Hijrah Selangor). Bila dah kena tutup, macam mana nak bayar semua," katanya.

Katanya, sebanyak 16 gerai di kawasan itu dirobohkan pemiliknya malam tadi selepas mendapat notis arahan daripada MBSA.

Sementara itu, seorang penjual bunga, Asogan Muniandy, 50-an, berkata beliau dan isteri kini bingung memikirkan perniagaan mereka yang terjejas selepas diambil tindakan oleh MBSA.

"Dulu disebabkan COVID-19, kami tidak dapat berniaga, dan kali ini sekali lagi kami kena berhenti berniaga, macam mana mahu cari makan," rintihnya.

Sementara itu, Mohd Rashidi berkata, menegaskan yang operasi bersepadu semalam dibuat bagi menangani masalah peniaga melanggar peraturan dan berniaga tanpa lesen sekitar Bandar Baru Sungai Buloh.

Katanya, sebanyak 101 notis dikeluarkan kepada pemilik premis sekitar Bandar Baru Sungai Buloh mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), kelmarin.

Katanya, susulan notis itu, dalam operasi semalam, MBSA merobohkan struktur tambahan pada premis perniagaan yang dibuat tanpa



Antara peralatan yang dirampas dan dirobohkan dalam operasi bersepadu di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh, semalam. (Foto BERNAMA)



Operasi dibuat bagi menangani masalah peniaga langgar peraturan dan berniaga tanpa lesen sekitar Bandar Baru Sungai Buloh.

*Mohd Rashidi Roslan,
Timbalan Datuk
Bandar Shah Alam*

Dulu tidak dapat berniaga selama tiga bulan disebabkan COVID-19 dan sekarang baru dapat sebulan berniaga, tiba-tiba jadi macam ni.

*Ramlah Yakub,
Peniaga nasi lemak*

Cara mereka bertindak seperti mahu membalas dendam. Bila ada orang mengadu, dia (MBSA) bertindak balas.

*Zaidi Abdul Jalil,
peniaga percetakan*

kelulusan seperti struktur dinding, lantai, kaki jalan serta sengkuaip.

Seramai 230 anggota MBSA, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor turut serta dalam operasi bersepadu bermula jam 10.30 pagi, semalam.

Mengulas tindakan sita terhadap gerai Asri, Mohd Rashidi mendedahkan, Asri pernah ditawarkan berniaga di tapak penjaja sementara Bandar Baru Sungai Buloh yang diselia MBSA tetapi ditolak peniaga terbabit yang terus berniaga di bahu jalan.

"Perniagaan di bahu jalan itu menimbulkan isu keselamatan dan memberi kesan kepada kelancaran lalu lintas. Justeru pihak MBSA terpaksa ambil tindakan," katanya.

Katanya, ketika ini ada lapan gerai berniaga di tapak gerai semen-

tara disediakan MBSA itu dan mereka tidak dikenakan tindakan.

Ketika operasi semalam juga, MBSA menyita sebuah premis yang dipercayai dijadikan pusat judi dalam talian yang berselindung di sebalik perniagaan pusat snuker.

Dalam operasi itu, petugas MBSA merampas semua perabot dan memotong bekalan elektrik serta air dengan bantuan petugas Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor.

BH yang turut serta dalam operasi itu mendapati premis berkenaan sudah tidak beroperasi dan terdapat lebih lima meja snuker ruam hadapan premis itu selain dua bilik rahsia yang dijadikan tempat judi dalam talian termasuk di tingkat atas premis terbabit.

Bagaimanapun segala peralatan komputer untuk kegiatan perjudian itu sudah tiada dan hanya terdapat kerusi dan meja yang ditinggalkan.



Anggota penguat kuasa MBSA merobohkan binaan dalam operasi bersepadu, semalam.



KERATAN AKHBAR 12 OGOS 2020 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Empat penguat kuasa, penjual rokok kena reman
MUKA SURAT	7



Empat penguat kuasa serta seorang peniaga rokok seludup direman di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Empat penguat kuasa, penjual rokok kena reman

M/s-7

Putrajaya: Empat penguat kuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bersama seorang warga asing dipercayai penjual rokok seludup, ditahan reman selama tujuh hari sehingga 18 Ogos ini.

Majistret, Shah Wira Abdul Halim, membenarkan perintah reman itu selepas meluluskan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya di hadapannya, jam 9.20 pagi semalam.

Semua suspek ditahan reman untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Masing-masing yang berusia di antara 41 hingga 45 tiba di Mahkamah Majistret Putrajaya, jam 8.40 pagi dengan memakai baju loka SPRM dan bergari.

BH kelmarin, melaporkan perniagaan haram dan tanpa lesen berleluasa di sekitar Bandar Baru Sungai Buloh dikatakan berpunca daripada pembayaran wang sogo-

kan bulanan di antara RM300 hingga RM3,500 bagi setiap premis kepada anggota penguat kuasa yang mengawasi kawasan itu.

Pembayaran itu dipercayai bergantung kepada saiz premis dan jenis perniagaan yang dijalankan.

Antara premis yang membayar sogokan itu termasuk kedai makan tanpa lesen, penjualan rokok, gerai yang menjalankan perniagaan di tempat tidak dibenarkan dan premis perjudian.

Sumber dilaporkan berkata, maklumat sogokan itu dikesan penyiasat SPRM selepas menahan penahanan pegawai penguat kuasa MBSA berusia 41 hingga 45 tahun.

Tiga daripada penguat kuasa yang ditahan bertugas di MBSA Cawangan Sungai Buloh, manakala seorang lagi dari MBSA Shah Alam.

Seorang peniaga rokok seludup keturunan Aceh yang tidak mempunyai sebarang dokumen turut ditahan.



Laporan BH disiarkan semalam.